

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (18)  
Tarikh : 27 April 2016

**Ketua Pengarang  
Malaysia Nanban**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "ADAKAH SAYA AKAN MATI SEBAGAI SEORANG HINDU? VANI MENGHADAPI TEKANAN PERASAAN" BERTARIKH 21 APRIL 2016, KHAMIS – M.S: MUKA DEPAN & 13**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Narkis Begam binti Abdul Kadar berkaitan nasab pada Kad Pengenalan beliau.
3. Hasil semakan rekod – rekod dokumen pengenalan Puan Narkis Begam binti Abdul Kadar mendapati kesemua maklumat adalah merujuk kepada maklumat yang sama seperti yang terdapat dalam Kad Pengenalan beliau iaitu Puan Narkis Begam binti Abdul Kadar dan beragama Islam. Selain itu, pihak JPN mendapati beliau juga pernah merujuk pada sesi kaunseling Jabatan Agama Islam Selangor pada tahun 2011.
4. Ingin dijelaskan sekiranya beliau ingin menukar maklumat fakta tersebut beliau boleh mengemukakan permohonan pindaan butiran Kad Pengenalan dengan mengemukakan dokumen – dokumen seperti sijil lahir, Kad Pengenalan, akuan bersumpah dan perintah Mahkamah Syariah berkaitan status agama beliau.
5. Dimaklumkan jua, beliau tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan pindaan butiran sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

- s.k.:
1. YBhg. Dato' Sri KPPN
  2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
  3. YBrs. Tuan TKPPN (O)